



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (KEWANGAN)

Deputy Secretary General (Finance)

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Ministry of Health Malaysia

*Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.*

*Telefon : 03-88832542
Fax. : 03-8885461*

Rujukan : () dlm.KKM.400-8/1/89.Jld.2

Tarikh : 4 April 2017

Semua Setiausaha / Pengarah Bahagian

Semua Pengarah Institusi

Semua Pengarah Kesihatan Negeri

Semua Pengarah Hospital

Semua Pegawai Kesihatan Daerah / Pegawai Pergigian Daerah

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

KADAR BARU BAGI BAYARAN DEPOSIT KEMASUKAN KE HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) BAGI PESAKIT WARGA ASING

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan sedia maklum, caj rawatan perubatan warga asing melalui Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 telah dilaksanakan sepenuhnya pada 1 Januari 2016. Walau bagaimanapun, kadar deposit kemasukan warga asing ke hospital seperti yang telah ditetapkan dalam Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bilangan 1 Tahun 2014 mengenai Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 belum lagi diselaraskan berdasarkan kenaikan tersebut.

3. Kementerian telah mengkaji kadar deposit sedia ada dan kadar deposit baharu bagi kemasukan warga asing ke hospital telah diluluskan oleh Ketua Setiausaha KKM. Kadar baharu bagi bayaran deposit untuk kemasukan pesakit warga asing ke hospital adalah seperti di **Jadual 1**.

Kelas Wad	Perubatan (RM)	Pembedahan (RM)	Obstetrik dan Ginekologi (RM)
Eksekutif	7,000	11,000	7,000
Kelas Satu	7,000	11,000	7,000
Kelas Dua	3,000	5,000	5,000
Kelas Tiga	1,400	2,800	2,800

Jadual 1

4. Sehubungan itu, kadar deposit bagi kemasukan warga asing ke hospital seperti yang ditetapkan pada perenggan 5.1 dalam Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 bertarikh 29 Disember 2014 adalah dibatalkan. Sehubungan itu, kadar baharu bayaran deposit untuk kemasukan ke hospital bagi warga asing adalah berkuatkuasa **serta merta**.

5. Kerjasama pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH)

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k : Ketua Setiausaha
Ketua Pengarah Kesihatan
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian
Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
